

# 'Era mereka dah berlalu'

Penganalisis politik saran peluang tadbir negara diberi kepada generasi muda

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

**K**etua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah diberikan banyak peluang, namun sehingga kini beliau tidak dapat membuktikan mempunyai majoriti yang mencukupi.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Jayum Jawan berkata, ia membuktikan bahawa zaman pemimpin berkenaan sudah berlalu.

Beliau berkata, selain Anwar, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah juga melewati fasa sama dan sangat wajar



JAYUM



DR MAHATHIR



ANWAR



TENGGU RAZALEIGH

untuk mereka membuka ruang kepada pemimpin generasi baharu untuk memimpin.

"Zaman Anwar sudah berlalu. Beliau sudah banyak kali diberikan peluang untuk menjadi Perdana Menteri. Dr Mahathir juga sama sudah dua kali jadi Perdana Menteri, tidak ke mana pun.

"Zaman Ku Li pun sudah berlalu, zaman mereka sudah berlalu. Bagi saya, ramai lagi pemimpin Melayu hebat dan belum diketengahkan untuk memimpin negara," katanya kepada

da *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau mengulas kredibiliti dan masa depan Anwar kerana gagal menolak Belanjawan 2021 melalui undi belah bahagian pada Selasa.

Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh juga sepakat menolak Belanjawan 2021.

Jayum berkata, Anwar perlu melupakan hasratnya untuk menjadi Perdana Menteri selagi tidak mempunyai sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

"Selagi sokongan itu tidak dapat dibuktikan menurut proses dan kaedah yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan, maka kerajaan Perikatan Nasional (PN) akan terus kekal sebagai kerajaan," katanya.

## REAKSI



"Saya berpandangan bahawa ahli-ahli Parlimen mempunyai pilihan dalam menjalankan kewajipan selaku wakil rakyat. Apa yang berlaku adalah tindakan peribadi beliau (Tengku Razaleigh Hamzah) selaku Ahli Parlimen Gua Musang." - Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin



"Sekarang ini Datuk Seri Anwar Ibrahim ataupun Tun Dr Mahathir Mohamad mahupun Tengku Razaleigh Hamzah kena fokus kepada Pilihan Raya Umum ke-15 kalau nak tukar kerajaan. Tak perlu ganggu kerajaan PN dalam masa beberapa bulan ini. Buat masa ini juga lebih baik kita fokus kepada unsur memulihkan ekonomi dan membantu rakyat mengatasi kesan penularan pandemik Covid-19. Kita rasa syukur kerana belanjawan diluluskan meskipun terdapat usaha untuk menghalang." - Naib Presiden Pas yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah



"Tak menghormati disiplin parti yang memutuskan untuk menyokong belanjawan. Sebagai orang muda dalam parti, sudah tentu saya hormat orang lama. Tetapi saya benar-benar tidak faham apa keperluan seorang ahli Parlimen UMNO yang senior, berpengaruh dan bertaraf penasihat tanpa segan buat sidang akhbar bersama pembangkang. Adakah ia tauladan yang baik? Adakah ia menjernihkan keadaan dalam parti? Sudah tentu tidak." - Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan